

28 OCT 1997

Samy-Deepavali

RAKYAT MALAYSIA MAMPU TANGANI KEMELESETAN EKONOMI NEGARA, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu meminta masyarakat Hindu Malaysia membantu mengembalikan kestabilan ekonomi negara dengan berkata "tidak semuanya hancur dan musnah" seperti yang digambarkan oleh media asing.

Sambil menggesa mereka berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata mereka hendaklah memberi sokongan sepenuhnya kepada kerajaan dalam usahanya mengatasi masalah ekonomi sekarang.

Katanya mereka perlu memainkan peranan dan jangan membiarkan kuasa luar untuk menentukan masa depan negara.

"Kesukaran yang kita alami kini hanyalah sementara... Kita perlu bersabar dan jangan putus asa serta memberikan sokongan padu dan kerjasama," katanya dalam perutusan sempena perayaan Deepavali yang akan disiarkan melalui RTM pada Khamis ini.

Samy Vellu, Menteri Kerja Raya, berkata Belanjawaan 1998 telah dirangka untuk "membolehkan kita melalui masa kesukaran ini dan amat penting kepada kelangsungan ekonomi jangka panjang kita."

Samy Vellu berkata pelbagai usaha yang dilakukan untuk menstabilkan ringgit dan pasaran saham adalah seumpama Deepavali yang melambangkan kejayaan usaha yang baik untuk mengatasi perbuatan jahat.

Beliau berkata masyarakat perlu bekerja keras untuk "membebaskan negara daripada cengkaman spekulator asing dan manipulator mata wang yang ingin memusnahkan Malaysia."

"Kita tidak boleh biarkan manipulator kewangan asing memusnahkan ekonomi kita dan menentukan arah tuju kita.

"Kita akan atasi masalah ini jika kita berkorban. Sikap berdisiplin, berjimat cermat dan menabung perlu ada," kata Samy Vellu.

Samy Vellu berkata walaupun negara sedang menghadapi masalah ekonomi, tradisi mengadakan majlis rumah terbuka ketika perayaan seperti Deepavali perlu diteruskan tetapi secara sederhana.

(Samy Vellu akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Deepavali pada 30 Okt di Dewan Sekolah Chung Hwa di Jalan Saint Thomas, off Jalan Ipoh di sini, antara 10 pagi dan 2 petang.)

Mengenai keperluan pendidikan kepada masyarakat Hindu, Presiden MIC itu berkata parti itu telah menyediakan satu lagi program -- Maju Educational Empowerment Trust (MEET) -- untuk menghadapi cabaran dalam bidang pendidikan tinggi kini.

Katanya di bawah program itu, MIC bercadang mengumpul RM150 juta dalam tahun pertama selepas pelancarannya yang dijangka awal tahun depan.

MEET adalah tabung pinjaman kedua yang akan dilancarkan oleh MIC. Maju Educational Development Fund (MIED) adalah yang pertama yang telah mengeluarkan RM25 juta kepada kira-kira 5,000 pelajar sejak 10 tahun yang lepas.

"MEET adalah satu lagi program inovatif oleh MIC, yang menawarkan jaminan dan skim pelaburan pendidikan yang membolehkan ibu bapa India di negara ini mendidik anak mereka ke peringkat tinggi.

"Di bawah skim ini, kita tidak akan bergantung kepada yang lain. Berdikari adalah moto kita," kata Samy Vellu.

Katanya pendidikan adalah kunci masa depan untuk orang India bersaing dengan yang lain selaras dengan matlamat negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. -- BERNAMA

ES NN NMO